

Bantuan bukan berterusan: PM

② Foreign Trips

LONDON, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kaum Bumiputera perlu sedar bahawa kerajaan tidak dapat membantu mereka secara berterusan dan suatu hari bantuan itu mungkin dihentikan.

Katanya, sebab itu kaum Bumiputera mesti merebut segala peluang yang ada di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dasar baru yang bakal diperkenalkan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka.

"Kerajaan tidak boleh memberi jaminan bahawa kaum Bumiputera akan diberi bantuan sampai bila-bila masa. Suatu hari bantuan itu mungkin dihentikan," katanya di majlis dialog dengan penuntut Malaysia di United Kingdom dan Eire di Malaysia Hall, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan tidak rasmi selama seminggu berkata kerajaan sedar bahawa selagi ada jurang ekonomi di antara satu kaum dengan yang lain masalah itu mesti diperbetulkan kalau tidak kestabilan negara akan tergugat.

Katanya kerajaan mengesan beberapa kelemahan ketika pelaksanaan DEB dan hal paling ketara ialah sesetengah Bumiputera lebih suka mendapat keuntungan jangka pendek daripada bekerja keras untuk maju.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata matlamat DEB bukan untuk melahirkan ramai peniaga Bumiputera yang muflis tetapi hakikatnya ialah kerajaan hanya dapat membantu dan terserah kepada Bumiputera menggunakan peluang yang disediakan bagi memajukan diri.

"Pada masa depan kerajaan akan menguji tahap keupayaan Bumiputera yang ingin melaksanakan sesuatu projek perniagaan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan sebelum meluluskan bantuan kewangan," katanya.

Katanya, beliau akan mengarahkan agensi kerajaan yang ditugas membantu Bumiputera jangan terus mengesyorkan wang kepada mana-mana Bumiputera yang mahu menjalankan perniagaan seperti dilakukan pada masa lalu.

Daripada ALI MANSOR AMAN

Beliau menegur pihak yang hanya pandai mengkritik pelaksanaan DEB tapi tidak dapat mengemukakan cadangan bernas kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) yang dibentuk bagi membantu kerajaan merangka dasar ekonomi yang baru.

Perdana Menteri juga berkata pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih menggalakkan daripada kadar 8.1 peratus yang diramal pada awal tahun. Berikutan tercetusnya krisis Teluk pendapatan eksport minyak negara meningkat dan dengan itu kadar pertumbuhan ekonomi 1990 diramal mencapai 9.5 peratus.

Katanya, kadar ini adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan 8.5 peratus pada tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan juga sedang menumpukan usaha bagi membawa negara memasuki era perindustrian yang lebih pesat dan selaras dengan itu sukatan pelajaran lebih menekankan aspek melahirkan tenaga pekerja untuk sektor industri.

Katanya, sektor industri kini mencatat pertumbuhan 27 peratus, mengatasi sektor pertanian yang menurun sedikit kepada 20 peratus.

Eksport barang-barang pembuatan mencapai 54 peratus iaitu melebihi eksport lain termasuk petroleum. Pada 1993 Malaysia akan mengeksport lima juta set televisyen.